

## Perspekif Orientalisme Tentang Islam di Borneo

### *Orientalism Perspective About Islam in Borneo*

Hashim Fauzy Yaacob\*

*School of Human Resource Development and Psychology, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor*

*\*Corresponding author: hfauzy@utm.my*

---

#### Article history

Received: 2020-05-13    Received in revised form: 2020-10-04    Accepted: 2020-11-01    Published online: 2021-06-30

#### Abstract

Western Orientalists works about Islam in Borneo can be divided into two groups, first, traveler, priest or journalist like Horace St. John and Snouck Hurgronje. Some of them can speak and write in Malay. Snouck Hogranje was one of the influential authors who contributed to the formation of many Dutch policies in Indonesia. The second group is the imperialist leaders comprising administrators or colonial officials such as Stamford Raffles, Spenser St. John and Hugh Low who made a policies but they also sometimes write a books that refered by travelers. James Brooke as an example makes Raffles works as a reference to understand the Malays and the situation in the archipelago. There are orientalist who elaborate or do an objective research about people of Borneo. Otherwise, there are many unobjective interpretations, bias, prejudice about ruling system, socio-cultural system, the Malay-Muslim community and Islam itself to discredit Islam and the indigenous population. One of the most prominent perspectives on Islam in Borneo is the use of the term "mohammadenism" to refer to Islam. This concept is also used in official meeting of colonial governments such as Sarawak State Council. Base on this premise, this work will describe an orientalist view of Islam in Borneo based on historical sources.

*Keywords:* Orientalist, Borneo, Islam, Malay.

#### Abstrak

Orientalis Barat yang menulis tentang Islam di Borneo boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu pertama, pengembara, padri atau jurnalis seperti Horace St. John dan Snouck Hurgronje. Sebahagian daripada mereka boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Snouck Hogranje merupakan antara penulis yang berpengaruh sehingga menyumbang kepada pembentukan banyak polisi kerajaan Belanda di Indonesia. Kelompok kedua ialah daripada tokoh-tokoh imperialis yang terdiri daripada pentadbir atau pegawai kolonial seperti Stamford Raffles, Spenser St. John dan Hugh Low yang membuat polisi tetapi mereka juga kadang-kadang membuat catatan dan menulis buku-buku yang menjadi rujukan pengembara yang lain. James Brooke misalnya menjadikan karya Raffles sebagai panduan memahami sifat-sifat orang Melayu dan keadaan di Nusantara. Terdapat orientalis yang membuat penelitian dan penghuraian secara objektif mengenai masyarakat di Borneo. Begitu juga terdapat banyak penghuraian tentang pemerintahan, sistem sosio-budaya, tentang masyarakat Melayu-Islam dan tentang Islam itu sendiri dibuat secara yang tidak objektif, berat sebelah, prejudis, mempunyai sikap permusuhan dengan tujuan untuk memburuk-burukkan agama Islam dan penduduk peribumi. Antara perspektif yang paling menonjol tentang Islam di Borneo ialah penggunaan istilah "mohammadenism" bagi merujuk kepada agama Islam. Konsep ini turut digunakan dalam persidangan-persidangan resmi kerajaan penjajah seperti "Council Negeri" Sarawak. Bertolak daripada premis ini, tulisan ini akan mengupas pandangan bersifat orientalisme tentang Islam di Borneo berdasarkan sumber-sumber bersifat sejarah.

*Katakunci:* Orientalis, Borneo, Islam, orang Melayu

## **1.0 PENGENALAN**

Kepulauan Borneo merupakan rantau yang menarik perhatian penjajah, pengembara dan pengembang agama Kristian pada masa lalu khususnya di abad ke-15 hingga ke-19 serta menarik minat pengkaji dari Eropah dan Amerika pasca imperialisme hingga kini kerana kepelbagaiannya.

Penulisan tentang Borneo khususnya dari abad ke-15 hingga ke-19 seolah-olah merupakan satu tradisi penulisan imperialis tentang rantau yang bakal dijajah atau keadaan selepas dijajah. Ia juga menggambarkan sikap Barat ke atas masyarakat pribumi dan agama yang dianuti melalui gambaran yang diberikan dalam hasil-hasil kesarjanaan mereka. Suatu perkara penting, hasil tulisan atau laporan semasa penjelajahan dan era imperialisme banyak ditulis oleh pegawai British atau Belanda, pengembara dan misionari Kristian. Tulisan yang dihasilkan seolah-olah usaha terancang untuk menggarap latarbelakang penduduk Borneo bagi memudahkan usaha-usaha pihak imperialis memahami resam budaya dan kekuatan penduduk Borneo sama seperti pendekatan Snouck Hurgronje di Aceh, orientalis Belanda di kepulauan Indonesia dan orientalis British di Tanah Melayu (Stamford Raffles, John Crawfurd, James Low, John Bowring, Henry Burney, Arthur Phayre, Henry Yule, William Maxwell, James Scott dan Frank Swettenham).

Era pasca imperialisme memperlihatkan minat yang terus wujud dalam kalangan sejarawan dan sarjana sains politik menulis tentang Borneo disamping ahli sosiologi dan antropologi budaya yang memberi fokus kepada masyarakat pribumi bukan Islam atau Dayak khususnya melalui kajian etnografi mereka. Sungguhpun terdapat banyak dokumen dan tulisan tentang Borneo, fokus tentang Islam di Borneo masih kurang dan tidak holistik iaitu tidak secara integrasi merangkumi seluruh kepulauan tersebut, melainkan ditulis secara terpisah kerana dipisahkan oleh geopolitik moden iaitu Malaysia, Brunai dan Indonesia. Pengkajian secara holistik adalah perlu kerana menurut King (1993) daripada 7.5 hingga 9.0 juta penduduk Borneo, 60 hingga 65% adalah Islam.

Bertolak daripada premis ini maka kajian ini akan membincangkan tentang Islam dengan memberi tumpuan kepada pandangan orientalis ke atas Islam di Borneo disebabkan banyak tulisan dan dokumen tentang Borneo disimpan atau dihasilkan oleh mereka. Pandangan orientalis diberi tumpuan kerana mereka mempunyai tradisi yang tersendiri sebagai penjelajah, penjajah, pentadbir di Borneo dan juga pendekatan-pendekatan kesarjanaan mereka.

## **2.0 SOROTAN LITERATUR**

Berdasarkan etimologinya, oriental sebagai kata dasar bermaksud dunia oriental iaitu dunia timur merangkumi negara-negara timur jauh seperti Timur Tengah, India, Asia Tenggara, China, Korea dan Jepun yang berlawanan dengan oksidental atau dunia Barat (Eropah). Orientalisme ialah pemikiran masyarakat Barat atau Eropah tentang dunia timur manakala oksidentalisme ialah pandangan atau pemikiran dunia timur tentang Barat atau Eropah (termasuk Amerika Utara dan Australia).

Orientalisme, merupakan jargon dan konseptual yang begitu dikenali oleh sarjana khususnya dalam bidang sejarah dan pemikiran Islam. Ia merupakan satu pandangan yang mendapat respon, penelitian, kajian, dan menjadi wacana di dunia bukan Barat dan Barat sendiri. Di Universiti London misalnya terdapat satu institusi dikenali sebagai School of Oriental and African Studies (SOAS) yang dianggap institusi begitu berprestij membuat penelitian tentang masyarakat oriental.

Orientalisme sangat dikenali disebabkan kepelbagaian pandangan para orientalis tentang masyarakat di Timur sama ada positif atau negatif. Justeru itu terdapat label orientalis yang baik dan orientalis yang jahat. Antara orientalis yang jahat menurut pemikir Islam ialah Ignac Goldziher (pengkaji Islam Hungari berketurunan Yahudi 1850-1921) dan Philip K. Hitti. Menurut Profesor Mahyudin Yahya P.K. Hitti sebagai contoh melalui bukunya *History of the Arabs* cuba menyuburkan sejarah bangsa Arab zaman jahiliyyah bagi membayangi sejarah bangsa Arab selepas menerima Islam. Tujuannya ialah sama dengan orientalis yang lain dalam rangka gerakan orientalisme untuk menanamkan semangat nasionalisme dalam kalangan penduduk beragama Islam.

Dalam kerangka *weltanschauung* sebahagian sejarawan dan pemikir di Timur, orientalis dilihat lebih bersifat etnosentrik dan Kristian sentrik, kerana ia berlaku seiring dengan proses imperialisme Barat ke atas negara di Timur. Pada 4 Februari 1899 telah terbit sebuah puisi oleh Rudyard Kipling dalam London Times bertajuk “*The white man burden*” yang melambangkan gerakan imperialis yg menanggapi diri mereka bertanggungjawab membawa perubahan kepada dunia bukan Barat melalui penerapan nilai-nilai sosio budaya dan pemikiran Barat berlandaskan rasionalisme, individualisme, emperisme, liberalism, sekularisme dan sebagainya. Siapakah orientalis di Borneo?

Berdasarkan latarbelakang tentang orientalisme yang dijelaskan di atas, maka dalam konteks Borneo, kajian ini mendefinisikan orientalis ialah sebarang pihak yang menulis, melapor atau memperihalkan tentang aktiviti, sistem, tingkahlaku, perkembangan masyarakat, di kepulauan tersebut menurut perspektif masyarakat oksidental (Eropah, Amerika Utara, Australia dan New Zealand). Mereka terdiri daripada pengembara, misionari, pegawai kolonial, ekspatriat, pegawai tentera laut dan pengkaji atau sarjana dalam pelbagai bidang.

### 3.0 METODOLOGI

Kertas ini membahagikan orientalis dalam dua zaman iaitu zaman imperialisme Barat (Portugis, Sepanyol, Belanda dan Inggeris) dan orientalis pasca imperialisme. Orientalis zaman imperialisme Barat termasuk juga pengembara seperti Tommme Pires dan Pigafetta yang membuat catatan semasa penjelajahan yang dilakukan terlebih awal. Pembahagian ini dibuat kerana orientalis era imperialisme Barat dipengaruhi juga oleh dasar-dasar dan cita-cita imperialisme, manakala orientalis pasca imperialisme lebih menumpukan kepada penerokaan melalui kajian kesarjanaan seperti kajian etnografi ke atas masyarakat Dayak. Bagi mendapatkan bahan autentik tulisan-tulisan atau laporan dari sumber orientalis yang asli digunakan.

Sumber-sumber orientalis adalah berupa catatan pengembara, laporan akhbar, buku dan artikel dalam jurnal. Sesetengah buku yang ditulis di abad ke-19 telah diterbitkan kembali dalam abad ke-20 dan ke-21 oleh penerbit yang sama atau lain-lain penerbit. Bagi pengembara Inggeris catatan tentang Borneo bermula di abad ke-17. Alexander Dalrymple mula melakukan penjelajahan pada tahun 1759 diikuti pada tahun 1774, 1782 dan 1778. Thomas Forrest kepten kapal yang berkhidmat dengan kompeni menerbitkan laporannya pada 1779. John Hunt melalui *Sketch of Borneo or Pulo Kalamantan* menerbitkan tulisannya di Benkulen dan dimuat kembali dalam J.H. Moor *Notices of Indian Archipelago and Adjacent Countries* (1837). G.W Earl menulis laporannya melalui *The Eastern Seas or Voyages an Adventures in the Indian Archipelago* (1837). Laporan tentang kerajaan Kutai oleh Dalton dan *Sketch of Borneo* oleh Leyden dimuatkan kembali dalam J.H. Moor *Notice of Indian Archipelago*.

Selain daripada pengembara ialah tulisan oleh kepten kapal tentera laut British seperti Henry Keppel (1846) *The Expedition to Borneo of H.M.S Dido for the Suppression of Piracy*, Edward Belcher (1848) *Narrative of the Voyage of HMS Samarang During the Years 1843-46*, dan R.M. Mundy

(1848) *Narrative of Events in Borneo and Celebes Down to the Occupation of Labuan from the Journal of James Brooke Esq.* Kakitangan pentadbiran kolonial juga turut menyumbang seperti Hugh Low, *Sarawak* (1848) serta Spancer St. John yang menjadi setiausaha kepada Brooke daripada tahun 1849 yang kemudian menjadi konsul di Brunai melalui *Life in the Forest of the Far East* (1863) dan *Life of Sir James Brooke, Raja of Sarawak* (1879).

Catatan yang banyak berfokus kepada Borneo Utara (Sabah) boleh dilihat dalam tulisan Owen Rutter (1985) *The Pagans of North Borneo*. Owen Rutter ialah Majisteret dan Pegawai Daerah British North Borneo Chatered Company selama lima tahun. Selain itu ialah laporan laporan pegawai kolonial seperti William Pretty (Residen Tempasuk) dan W.B. Prayer (Sandakan).

Catatan pegawai kolonial atau pegawai tentera bukan semata-mata untuk tujuan tertentu seperti memerangi lanun di laut tetapi menunjukkan ada tujuan di sebalik sebarang ekspedisi. Catatan Henry Keppel dalam bukunya *The Expedition to Borneo* bukan tentang kegiatan pelanunan sahaja sebaliknya tentang masyarakat Borneo (perkampungan, senjata, karekter, cara hidup atau adat resam) termasuk kemungkinan-kemungkinan penyebaran agama Kristian (Kappel: 1968a:60).

Sumber-sumber orientalis pasca imperialisme lebih banyak berbentuk penulisan sejarah, sosiologi, politik dan kajian seperti kajian etnografi ke atas masyarakat Borneo. Salah satu karya yang asalnya kajian kedoktoran yang mengkaji kepulauan Borneo dari kacamata British dan Belanda ialah oleh Graham Irwin *Nineteenth-Century Borneo – a Study in Diplomatic Rivalry*. Menurut Irwin (1965) buku-buku sejarah Eropah sebelum 1800 menggambarkan Borneo merupakan tempat utama yang penuh kekejaman, keganasan dan kematian mengejut. Hal ini memerlukan penulisan sejarah yang lebih objektif, maka lahir pelbagai hasil penyelidikan dan buku tentang Borneo atau wilayah-wilayah di Borneo seperti Brunai, Sarawak, Sabah dan Kalimantan. Antaranya ialah oleh Nicholas Tarling *Piracy and Politics in the Malay World* (1963) dan *Britain, Brookes and Brunai* (1971), Victor Terry King, *The Borneo Peoples* (1993), J. Rousseau, *Central Borneo: Ethnic Identity and Social life in a Stratified Society* (1990) serta yang khusus tentang negeri-negeri di Borneo seperti oleh Tom Harrison *The Malays of Southwest Sarawak Before Malaysia* (1970), Steven Runcimen, *The White Rajahs* (1960), Robert Pringle, *The Rajah and the Rebels* (1970), R.H.W. Reece, *The Name of Brooke* (1982), K.G. Tregonning, *A History of Modern Sabah* (1965), Peter Leys *Observations on the Brunei Political System 1883-1885* (1968) dan lain-lain.

#### 4.0 HASIL KAJIAN

Banyak sumber dan tulisan orientalis membantu dari segi dokumentasi tentang pengislaman Borneo. Menjadi pandangan umum penulis orientalis bahawa orang Islam adalah Melayu dan sesiapa yang memeluk Islam bererti turut menjadi Melayu. Pandangan umum ini bertepatan dengan pandangan penduduk tempatan bukan Islam yang memeluk Islam, sesetengahnya memanggil diri mereka masuk Melayu atau "turun Melayu" seperti pribumi Lun Bawang atau Bisaya (King:1993:31).

Banyak fakta pengislaman Borneo yang ditulis orientalis bercanggah khususnya dengan tradisi penulisan Nusantara seperti Silsilah Raja-raja Brunai. Penulis Portugis Durate Barbosa yang menulis pada tahun 1515 menyatakan raja, masyarakat dan bahasa yang digunakan di Borneo ialah pagan. Tom Pires yang menulis tentang Brunai pada 1515 menyatakan rajanya telah menerima Islam. Pigafetta menyatakan ada dua raja satu Islam manakala satu lagi bukan Islam (King:1993;124). Silsilah raja-raja Brunai menunjukkan penerimaan Islam berlaku lebih awal dan tahun 1386 dianggap tarikh resmi penerimaan Islam di Brunai (Awang Mohd Jamil al Sufri, 1990). Dengan itu pendapat tentang kedatangan Islam ke Brunai pada abad ke-16 ditolak oleh sejarawan tempatan (Awang Mohd Jamil: 1977). Pada hakikatnya ketika kedatangan kuasa Eropah dalam

abad ke-16 negeri-negeri di Borneo yang mempunyai tradisi pemerintahan yang tersusun dan kukuh seperti Sambas, Sukadana, Landak, Kutai, Pontianak dan Brunai telah menerima Islam.

Orientalis seperti Rutter (1985) mendakwa penyebaran Islam boleh berlaku melalui kegiatan perlanunan. Masyarakat Islam yang biasanya tinggal di kawasan pantai melakukan kegiatan perlanunan sehingga menjadikan kawasan penduduk bukan Islam menerima Islam misalnya melalui perkahwinan mereka dengan wanita bukan Islam. Rutter (1985) menggunakan

bahasa yang kasar dalam mengulas keadaan ini. Katanya:

*”The formation of this definitely bastard race was confined to the navigable rivers. On the Northen Watershed there is only one river, the Padas by which boats can penetrate far into the lowlands. Here there is a belt of Besayabs, a tribe of Islamized Muruts which has sprung from union between the coastal Mohammedans and the pagan of the headwaters. Elsewhere on the West Coast even though intermarriage between the Mohammedans and the pagan occured the race cleavage has remained clear-cut (Rutter:1985:26)”*

#### **4.1 Pandangan Sebelum dan Semasa Penjajahan**

Orientalis banyak membuat catatan tentang Islam di Borneo bermula sejak abad ke-15 hingga abad ke-19. Catatan-catatan ini walaupun setengahnya tidak tepat tentang ajaran Islam atau bersifat prejudis terhadap Islam, boleh dianggap dokumen yang berguna kerana sesetengahnya berupa pemerhatian secara langsung dan secara dekat pada abad-abad tersebut. Catatan-catatan berikut adalah merupakan catatan yang terdapat sebelum abad ke-20.

##### **4.1.1 Penggunaan Istilah Mohammadanisme**

Penggunaan konsep ”Mohammadanism” bermula di abad ke-16 iaitu dalam era penjelajahan yang aktif imperialis Barat di dunia Timur. Berterusan di abad-abad berikutnya dalam karya-karya misionari, penulis, ahli sejarah dan sosologi Barat seperti oleh Gottlieb William Leitner dalam The Times Julai 1889 atas tajuk Mohammadanism. Konsep ini turut dipopularkan oleh orientalis abad ke-20 tentang Islam seperti melalui karya Hamilton Gibb (1969) *Mohammadanism: an Historical Survey*.

Mohammadanisme merujuk kepada agama Islam sepertimana agama Kristian dikaitkan dengan Jesus Christ atau sepertimana juga Calvinism, Hinduism atau Confucionism. Terdapat sesetengah orientalis mengakui bahawa penggunaan istilah ini membawa erti ofensif dan mereka juga mengakui bahawa pengikut-pengikut awal yang dipanggil mereka Prophet Muhammad tidak pernah menggunakannya bagi merujuk kepada ajaran yang dibawa Nabi Muhammad.

Konsep Mohammadanisme ditolak oleh masyarakat Islam kerana bercanggah dengan akidah ummat Islam. Penggunaan istilah ini boleh membawa kepada kesyirikan dan keimanan seseorang Muslim. Hal ini kerana agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad bukan merupakan pemikiran Nabi Muhammad tetapi hanyalah penyampaian yang dilakukan oleh beliau sebagai utusan Tuhan atau Allah.

Di Borneo hampir kesemua tulisan oleh pengembara, misionari, pentadbir kolonial khususnya di abad ke-19 menggunakan perkataan ”Mohammadanism” ”Mohammadan” atau ”Musalman” untuk merujuk kepada agama Islam atau orang Islam. Bahkan Owen Rutter melalui

tulisannya terbitan 1929 *The Pagans of North Borneo* menggunakan istilah Mohammadan tribes merujuk kepada orang Islam di Borneo Utara (Sabah).

Di Sarawak, konsep Mohammedan turut digunakan dalam laporan-laporan resmi seperti warta kerajaan dan laporan Supreme Council. Antaranya seperti berikut:

”.....H.H. the Rajah addressed the Mohamedan members and asked them if any change could be made in the division of the property of the late.....” Minutes of a meeting on 13.7.99 dalam R.J. PoleEvans, hlm. 95.

Dalam satu laporan Supreme Council yang lain:

”The Council was convened this day when the Malay Mohamedan Members placed before H.H. the Rajah in Council a code of Laws which they wished to have approved...” Minutes of a meeting held on 16.8.10 dalam R.J. Pole-Evans, hlm. 96.

#### **4.1.2 Sistem Politik dan Pemerintahan: Kesultanan Islam**

Pengaruh Islam mewujudkan kesultanan-kesultanan Islam di Borneo. Kesultanan Brunai wujud sejak akhir abad ke-15 kemudian diikuti dalam abad ke-16 oleh kerajaan Sambas, Sukadana dan Landak di Pantai Barat dan Banjarmasin di Selatan. Kesemua kerajaan ini mempunyai hubungan dengan kerajaan Islam di Jawa seperti Demak dan Tanah Melayu. Kesultanan Islam Brunai merupakan kesultanan paling berpengaruh. Justeru itu nama Borneo itu sendiri berasal daripada perkataan ”Burni” yang merujuk kepada kesultanan Brunai. Nama ini hanya popular di pertengahan abad ke-19 apabila kuasa-kuasa Barat mula menjelajah kawasan tersebut. Hal ini kerana terdapat nama-nama lain seperti Pulo Kalimantan bermaksud (pulau sago) atau dalam bahasa jawa ”rivers(s) of precious stones” (King, 1993).

Orientalis menggambarkan bahawa kesultanan besar seperti Brunai, Sambas, Sukadana, Kutai dan Landak mempunyai pengaruh yang kuat ke atas kawasan-kawasan tertentu kecuali yang terlalu pedalaman. Terdapat kesultanan-kesultanan kecil yang wujud dikaitkan dengan pengislaman yang kemudiannya bernaung di bawah kesultanan yang lebih besar dalam konteks hubungan *patron-client*. Hubungan kesultanan yang kecil dengan yang lebih besar ini berlaku di Kalimantan apabila pemimpin puak memeluk agama Islam dan diikuti pengikutnya. Menurut Rousseau (1990), sesuatu kesultanan biasanya wujud di sesuatu kawasan sungai yang bukan sahaja bertujuan mengawal perdagangan, memelihara kesetiaan rakyat Islam mereka tetapi juga untuk mengawal ketua-ketua Dayak untuk berada di bawah penguasaan mereka.

#### **4.1.3 Undang-Undang Dan Peraturan**

Masyarakat di Borneo mempunyai peradaban mereka sendiri yang boleh dilihat daripada sistem undang-undang mereka. Dalam kalangan masyarakat Dayak pun terdapat undang-undang berkaitan membunuh atau mencuri. Menurut Kappel ”The laws of this Dyak tribe are administrated by the chief and the two principal men. They have no fixed code, nor any standard of punishment; each case of crime being judged according to enormity (Kappel, 1968a:62)” Kesultanan yang agak besar dan kuat seperti Brunai dan Kutai mempunyai sistem dan peraturan atau undang-undang. *Code of law* bertulis *Kutai Beraja* misalnya didasarkan daripada al Quran (Russou, 1990;284). Begitu juga Brunai mempunyai

undang-undang yang dikenali sebagai Undang-undang Brunai (Leyden Sketch of Borneo dalam J.H. Moor:).

#### **4.1.4 Perekonomian**

Masyarakat Islam terlibat dalam pertanian, perikanan, pertukangan dan mengumpul barangan hutan. Namun begitu negeri atau kesultanan di Borneo dikatakan bergantung kepada perhambaan, perlanunan dan perdagangan untuk tujuan kelangsungan pemerintahan (Rousseu:1990:284). Sultan Sambaliung dan Gunung Tabur misalnya dikaitkan dengan perdagangan hamba. Bagaimanapun perdagangan hamba dianggap haram di kebanyakan negeri. Penulis-penulis Barat mengakui bahawa penglibatan orang Islam dalam perdagangan dengan pribumi adalah aktif terutama berkaitan dengan barangan hutan.

Di bahagian Tengah Borneo orang Islam tidak memonopoli perdagangan sebaliknya perdagangan berlaku dengan bebas melalui sebilangan orang tengah. Jelas bahawa, hubungan antara kesultanan dan Bahagian Tengah Borneo semasa pra kolonialisme ialah perdagangan. Hubungan dikatakan selalu berada dalam ketegangan terutama antara sultan dan ketua puak. Penjajahan dikatakan mengubah pola hubungan sebegini (Rousseu;1990:294).

Pengkaji sejarah Borneo menganggap hubungan dengan dunia luar dan kegemilangan ekonomi berlaku dengan adanya hubungan dengan India, China dan pedagang-pedagang Islam setelah wujudnya negara perdagangan Islam di Borneo terutama di awal abad ke-16 dan setelah sebahagian golongan pribumi memeluk Islam (King:1993:7). Catatan ole J.H. Moor menunjukkan perdagangan antara Singapura sama ada di bahagian Utara Borneo atau di bahagian dikuasai oleh Belanda seperti Sambas, Mampawa dan Pontianak pada 1829 keseluruhannya adalah melibatkan orang Islam sama ada Melayu atau Bugis (Moor:1968:13).

#### **4.1.5 Kategori Orang Islam**

Orang Islam boleh dibahagikan kepada beberapa kategori mengikut keturunan dan stratifikasi. Dari segi keturunan terdapat keturunan yang dipanggil Melayu, Madura, Bugis, Jawa, Melanau dan beberapa suku Dayak yang memeluk Islam tetapi dipanggil dengan gelaran sama ada Melayu atau "Mohammedan". Leyden (dalam Moor) menggunakan gelaran "Mahometan" . Stratifikasi secara umumnya di semua negeri di Borneo boleh dibahagikan kepada Sultan atau raja dan pembesar, penguasa-penguasa tempatan yang berada di bawah pengaruh sultan ( golongan pengeran, datu-datu tempatan seperti di Sarawak dan syarif-syarif berketurunan Arab yang cuba memisahkan diri dari penguasaan sultan), orang biasa dan golongan hamba.

Selain daripada empat kategori utama orang Islam tersebut, terdapat kategori lain dalam kalangan pembesar dengan gelaran-gelaran tertentu seperti Bendahara, Digadong, Pamanca, Temenggong dan Syahbandar seperti di Brunai. Pemimpin-pemimpin tempatan pula dikenali sebagai pangeran, datu dan syarif (berketurunan Arab). Selain daripada itu terdapat gelaran seperti abang, syed, nakhoda, haji dan sebagainya mewakili status tertentu.

Kategori dan stratifikasi ini membentuk pola hubungan yang tertentu. Banyak tulisan orientalis menggambarkan terdapat penindasan oleh strata masyarakat yang lebih tinggi ke atas strata yang lebih rendah. Sebaliknya penulis seperti Henry Keppel memberi pandangan yang berbeza. Berkaitan dengan kekejaman, golongan pembesar tidak ditemui oleh Kappel bertindak kejam ke atas pengikut mereka, katanya "*I never saw either cruelty or undue harshness exercised by the great men during my stay, and in general their manners were affable and kind to those about them*" (Kappel:1968a:80).

Ternyata sebahagian pemimpin yang ditemui mempunyai disiplin yang tinggi dan berpegetahuan. Pangeran Mahkota contohnya tidak menghisap tembakau atau memakan sirih, boleh menulis dan membaca dalam bahasa ibunda dan berpengetahuan tentang kerajaan, undang undang dan adat resam masyarakat Borneo. Selain itu pihak pegawai Inggeris banyak memperoleh maklumat tentang masyarakat Dayak dan geografi pedalaman Borneo daripada beliau (Kappel:1968a:81).

#### **4.1.6 Karakter Orang Islam**

Terdapat percanggahan dalam memberi gambaran tentang sifat atau karakter orang Islam di Borneo. Horace St. John dalam *The Indian Archipelago, its History and Present State Vol. II* halaman 267 yang diterbitkan pada tahun 1853 menulis, orang Melayu yang beragama Islam sebagai *"The Malays are Mahomedans, living under the rule of the Prophet's descendents, a mongrel race of tyrants, gamblers, opium-smokers, pirates, and chiefs, who divide their time between cock fighting, concubines, and collecting taxes"*. Menurut Baring-Gould dan Bamfylde (1909:29) gambaran ini diberikan oleh Horace St. John tanpa beliau melihat dan berada di Borneo.

Terdapat banyak lagi pandangan-pandangan negatif terhadap karakter orang Islam yang ditulis oleh ramai penulis yang lain. Bagi yang melihat secara positif tentang orang Islam mereka menganggap tulisan dan laporan yang dibuat hanya kerana stigma golongan ini terhadap masyarakat Borneo. Henry Keppel (1968a:79) menyatakan:

*"I here bid adieu to these kind friends, fully impressed with their kindness, and the goodness of their dispositions. To me they are far different from anything I was at all prepared to meet, and devoid of the vices with which their countrymen are usually stigmatised by modern writers. I expected to find an indolent and somewhat insolent people, devoted to sensual enjoyments, addicted to smoking opium, and eternally cock-fighting or gambling; let me speak it to the honour of the Borneons, that they neither cock-fight nor smoke opium; and in the military train of their Rajah they find at Kuching few conveniences and fewer luxuries. Like all the followers of Islam, they sanction polygamy; and the number of their women, and, probably, the ease and cheerfulness of the seraglio, contrasted with the ceremonial of the exterior, induce them to pass a number of their indolence. I should pronounce them indolent and unwarlike; but kind and unreserved to foreigners, particularly to Englishmen."*

Spencer St. John yang berhadapan secara langsung dengan penduduk Borneo memberi gambaran yang sebaliknya tentang orang Islam berbanding saudaranya Horace St. John. Tentang orang Melayu Samarahan yang beragama Islam Spencer St. John menulis *"The Samarahan Malays are a quite, inoffensive people, and live almost entirely by farming and gaderning* (St. John:1974a:207). Bagaimanapun di sesetengah tempat terdapat juga salahlaku dalam kalangan orang Islam seperti judi dan perhambaan tetapi bukanlah karakter sebenar keseluruhan amalan orang Islam. Terdapat kes di mana seseorang yang kalah dalam perjudian terpaksa berhutang dan hutangnya menjadi berlipat kali ganda sehingga terjebak dengan perhambaan.

Pandangan-pandangan negatif yang diberikan tentang orang Islam seolah-olah menunjukkan sifat orang Islam secara keseluruhannya. Sebaliknya pandangan negatif terhadap karakter orang Islam dinafikan oleh orientalis yang lain. Pandangan yang positif biasanya dari kakitangan kerajaan Brooke atau penyokong Brooke. Brooke sendiri memberi layanan yang baik terhadap orang Melayu khususnya ketua-ketua Melayu dan memberi mereka jawatan dalam pentadbirannya. Bahkan bahasa Melayu menjadi bahasa resmi kerajaan Brooke dan tujuannya sudah tentulah untuk mendapat sokongan orang Melayu terhadap pemerintahannya.

#### **4.1.7 Amalan Orang Islam**



Secara amnya orang Islam di kepulauan Borneo mengamalkan ajaran Islam berasaskan rukun Islam dan rukun iman. Ibadah pokok dalam Islam iaitu solat diberi keutamaan. Keppel antaranya mengungkapkan;

*”As the sun went down, the scene was beautiful, animated by the variety and pictureque appearance of the native prabus, and the praying of the Mussulman, with his face in the direction of the Prophet’s tomb, bowing his head to the deck of his boat, and absorbed in devotions from which nothing could withdraw his attention”* (Keppel:1968b:46).

Orientalis juga melaporkan, orang Islam akan berpuasa pada bulan Ramadhan. Burbidge (1989:58) misalnya menyatakan *”This was the evening preceding the commencement of Ramadan the ”fast month” observed by all Mohammedans, and there was a great burning of gunpowder in the village”*. Spancer St. John ketika bertemu dengan orang-orang Melayu Samarahan dan Sebuyau melaporkan *”like good Mahomedans”* yang sangat kuat berpuasa maka begitu juga penduduk di kawasan berkenaan, manakala kumpulan yang berada di suatu masjid membaca al-Quran dengan kuat (St. John:1974a:207)

Amalan haji iaitu menunaikan fardhu haji ke Mekah merupakan rukun Islam kelima. Amalan ini memerlukan perbelanjaan dan perjalanan yang jauh. Pada abad ke-15 telah terdapat ramai orang Islam khususnya di Borneo yang telah melaksanakan rukun tersebut. Golongan ini boleh ditemui di mana-mana kerajaan Islam di Borneo. Beberapa penulis orientalis berasa curiga dengan golongan ini. Boyle misalnya mencatatkan:

*”Their religion, as I have before remarked is Mohammedanism of a strict form. The number of their Hadjis or Mecca pilgrims increase yearly with the increasing security, and the arrogance which these devotees assume on returning from the sacred journey may at some time cause the Sarawak government considerably difficulty* (Boyle:2007:25)

Pandangan seperti ini adalah disebabkan golongan haji adalah signifikan kepada penyebaran Islam. Dalam kalangan anggota pemerintahan di Brunai ternyata golongan ini mempunyai pengikut masing-masing (St.John:1974b:258-259). Selain daripada itu golongan ini juga banyak memainkan peranan dalam penentangan-penentangan masyarakat pribumi Islam ke atas imperialis seperti yang berlaku di Jawa. Pengukuhan agama Islam di Nusantara sangat sinonim dengan peranan alim ulama Nusantara yang menunaikan haji dan menuntut di Makkah.

Dengan sebab itu, amalan Islam dalam kalangan ummat Islam di Nusantara adalah seragam iaitu dari kelompok *abli sunnah wal jamaah* bermazhab syafie. Tokoh-tokoh agama terkenal seperti Syekh Arshad al-Banjari di Banjarmasin adalah tokoh yang pernah menimba ilmu-ilmu Islam di Makkah. Kitabnya pula tersebar di seluruh pelusuk Nusantara, sama seperti kitab-kitab ulama Fatani yang tersebar luas. Kewujudan tokoh-tokoh agama tempatan yang berwibawa telah memperkuatkan lagi amalan Islam di Borneo dan mereka juga merupakan satu golongan yang sangat dihormati dalam masyarakat Islam.

Walaupun keadaan yang sukar untuk menunaikan haji, usaha yang dilakukan menunjukkan keupayaan orang Islam di Borneo mengamalkan suruhan tersebut. Keadaan masih sukar dipertengahan abad ke-19 kerana masalah pengangkutan dan tempoh masa yang lama perlu diambil. Baring-Gould dan Bampfylde yang karya mereka diterbitkan pada 1909 mengungkapkan kesukaran tersebut:

*”Forty years ago the pilgrimage to Mecca was a costly and a hazardous venture. The suffering that pilgrims for months had to undergo on ill-found, overcrowded, and insanitary sailing ships,*

and the dangers to which they were exposed on the overland journey from jedah to Mecca and back, were such that only fervent Muhammadans would face, and few Malays are such (BaringGould & Bampfylde:1909:443-444).

Awal abad ke-20 menunaikan haji dianggap lebih mudah, menurut Baring-Gould dan Bampfylde (1909:444) *"Now, the welfare of the Muhammadan pilgrim is so well safeguarded by Christian ordinance, that his voyage to Jedah and back to Singapore presents to him but a pleasurable and interesting trip, on which his wife and daughters may accompany him with safety and moderate comfort"*.

Selain daripada amalan-amalan utama orang Islam yang berdasarkan lima rukun Islam iaitu mengucap dua kalimah syahadah, bersolat lima waktu sehari semalam, berpuasa di bulan ramadhan, memberi zakat dan menunaikan haji terdapat amalan-amalan lain yang dituntut oleh agama Islam diamalkan. Ini termasuk juga dalam soal penyembelihan. Keppel mencatatkan pengalamannya menembak kijang dan apa yang dilakukan oleh pengawalinya daripada kalangan orang Islam;

*"Our Malay guide more knowingly crossed the bridge; and being acquainted with the locality, reached the deer from the opposite side, taking care to utter a prayer and cut the throat with the head in the direction of the Prophet's tomb at Mecca, without which ceremony no true follower of Islam could partake of the meat"* (Keppel:1968b:37).

Terdapat beberapa laporan yang positif oleh orientalis dalam amalan-amalan yang lain. Burbidge (1989) pernah membandingkan masyarakat Kedayan yang beragama Islam dengan penduduk pribumi bukan Islam dalam soal amalan kebersihan. Menurut beliau:

*"They are mostly Mohammedans, and so are more respected by their Malay rulers than are other of the aboriginals. They form thrifty little colonies on most part a clean and healthy race, and form a great contrast with their neighbours who live in a more irregular manner, and are often troubled with skin diseases, this being in a measure owing to the want cleanliness and of a regular diet. There cannot be any doubt but that Islam is a great blessing to many eastern races, especially so far a cleanliness and temperance are concerned* (Burbidge:1989:67)

Ciri-ciri keislaman dapat juga dilihat pada tanah-tanah perkuburan di mana batu-batu nisan biasanya mempunyai ayat-ayat al-Quran yang mana sama seperti makam-makam yang terdapat di Constantinople dan Kaherah (Boyle:2007:173). Pengaruh Islam begitu kuat mempengaruhi orang Melayu Islam, huruf Arab digunakan dalam tulisan. Gelaran-gelaran seperti sultan, haji dan syarif menunjukkan pengaruh Arab dalam kalangan masyarakat Melayu Islam.

Menurut penulis orientalis, amalan orang Islam juga menjadi semakin kuat kerana pertembungan dengan agama Kristian iaitu apabila agama itu mula disebarkan dalam lingkungan mereka. Boyle (2007:13) menyatakan:

*"We were told that before the Mission was established in Sarawak, the Malays were very loose in their observance Mohammedan rites, and drank wine or broke any other of the Prophets laws as readily as a "fellah" on the Nile, but the coming of the missionaries seemed to rouse their pride, and I can answer for it that they now preserve the commandments of their religion under the greatest temptation"*

Amalan orang Islam berpandukan ajaran Islam diperolehi daripada golongan alim khususnya yang dikategorikan sebagai haji. Hal ini kerana pendidikan agama bergantung kepada orang alim. Pendidikan membaca al-Quran dalam bahasa Arab dan solat merupakan paling asas selain pendidikan membaca dan menulis dalam bahasa ibunda. Menurut Low (1968:138) Al Quran tidak diterjemahkan tetapi menggunakan bahasa Arab.

Terdapat amalan-amalan lain yang digarap oleh penulis orientalis tetapi antara amalan lain yang menjadi tumpuan utama mereka ialah tentang kedudukan wanita, poligami dan cara berpakaian orang-orang Islam atau Melayu.

#### **4.1.7.1 Kedudukan wanita**

Dalam perbandingan orang Islam dengan pribumi bukan Islam khususnya wanita, masyarakat pribumi bukan Islam seperti Iban dan Bidayuh dianggap lebih bebas dan bersifat egalitarian berbanding wanita Islam (Rutter, 1989; Burbidge, 1989; King, 1993). F.W Burbidge (1989:153) menyatakan:

*”In the case of the Malays their women are, as a rule, secluded from the gaze of strangers in private apartments, but the interior the women of the aboriginal tribes enjoy equal freedom with the men, and often join in discussion and trading difficulties with great tact”*

Hal ini menggambarkan wanita-wanita Islam mematuhi norma-norma budaya hasil ajaran agama yang mereka terima. Fenomena ini dihubungkan dengan keadaan di Brunai yang mana pemerintahnya sangat tegas dengan hukum Islam. Di Brunai kebanyakan wanita yang ditemui di pasar menurut catatan Burbidge (1989:153) ialah wanita tua sahaja:

*”Most of the women to be seen in the market are old and worse featured...their more beautiful sisters are secluded according to the etiquette of Islam, the nobles and richer Malays have wives and slave abundance”*

#### **4.1.7.2 Poligami**

Amalan poligami juga menjadi perhatian orientalis. Hal ini kerana dalam masyarakat Borneo sama ada masyarakat Islam atau pribumi bukan Islam, ketua biasanya mempunyai banyak isteri. Dalam masyarakat Islam poligami dizinkan tetapi menurut Boyle (2007) hanya segelintir sahaja yang mengamalkan disebabkan kemiskinan. Amalan berpoligami dilakukan oleh golongan bangsawan serta pedagang kaya dan yang berkemampuan.

Golongan wanita di Borneo dianggap lebih bimbang dengan perkahwinan mereka kerana amalan poligami. Berdasarkan undang-undang Islam perceraian senang berlaku yang mana seorang isteri boleh diceraikan tanpa persetujuannya, tetapi seperti Boyle, Low (1968) menyatakan amalan poligami jarang berlaku sungguhpun dibolehkan oleh undang-undang dan ia diamalkan oleh golongan pertengahan dan atasan sahaja.

#### **4.1.7.3 Pakaian**

Cara berpakaian orang Islam banyak digambarkan oleh orientalis dalam tulisan mereka kerana terdapat perbezaan yang ketara antara pakaian orang Islam dan pribumi bukan Islam disebabkan kepelbagaian masyarakat di Borneo. Henry Keppell banyak melakarkan cara berpakaian, raja, pangeran, dan pengikut-pengikut mereka dengan mendalam. Pembesar pembesar biasanya akan memakai seluar, baju dan jaket, kain sarung (samping) beserta dengan keris. Cara berpakaian adalah menurut taraf dan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Bagi golongan tertentu seperti haji dan ulama terdapat gambaran cara berpakaian seperti jubah dan serban. *”The Malay Hadjis or priests wear long green Arab coats, and green or white turbans around their shaven heads* (Burbidge :1989:145).

### **4.1.8 Isu-isu Berkaitan Orang Islam**

#### **4.1.8.1 Perlanunan**

Kegiatan perlanunan di Lautan Borneo mendapat liputan yang meluas dalam catatan dan tulisan pengembara sama seperti laporan oleh pihak Sepanyol, Belanda dan Inggeris bagi

keseluruhan perairan Asia Tenggara. Perspektif tentang lanun meupakan 'portray' yang dipengaruhi oleh dasar kolonial ke atas kesultanan atau kerana negeri tertentu berkonflik dengan pihak kolonial.

Laporan seperti oleh Spancer St. John dianggap maklumat yang berautoriti tentang pelanunan di Borneo kerana berdasarkan pemerhatian langsung. Begitu juga laporan oleh Henry Keppel. Kegiatan perlanunan tidak mempunyai kaitan dengan keseluruhan masyarakat Islam di Borneo. Beberapa orientalis mengakui, kesultanan tidak memainkan peranan sebagai penaja kegiatan perlanunan sebaliknya kelemahan kesultanan Brunai dan Sulu dikaitkan dengan masalah kegiatan perlanunan oleh pihak lain iaitu golongan syarif berketurunan Arab yang mencari pengaruh dan golongan Dayak tertentu. Menurut Keppel (1968b:144)

*"The old-established Malay governments (such as Borneo and Sooloo), weak and distracted, are, probably without exception, participators in or victims to piracy; and in many cases both – purchasing from one set of pirates, and enslaved and plundered by another; and whilst their dependencies are abandoned, the unprotected trade languishes from the natural dread of the better disposed natives to undertake a coasting voyage"*

Orientalis pasca imperialisme seperti Heyward (1963) dan Tarling (1963) menyalahkan pihak imperialis dalam hal ini. Heyward (1963) misalnya menyatakan adalah suatu yang menyedihkan penjajah Eropah telah menjadi perintis kepada perlanunan dan huru hara di perairan Alam Melayu. Tarling (1963) pula menyatakan kehancuran unit-unit politik yang besar, terutamanya empayar perdagangan Melayu adalah disebabkan oleh polisi penjajah Eropah.

Menurut a Campo (2003) terdapat pegawai-pegawai kolonial seperti J.H. Tobias (1822) dan C. Mueller (1822) dalam laporan mereka melahirkan kekecewaan dan mengkritik dasar Kompeni Hindia Belanda yang kurang bukti bagi menunjukkan kerajaan seperti Pontianak boleh diklasifikasikan sebagai " an Islamic Pirate State" yang menimbulkan serba salah sesetengah pegawai kolonial untuk bertindak ke atas kerajaan berkenaan. Dengan itu Campo (2003) berpendapat definisi lanun khususnya di abad ke-19 ialah konstruk pihak imperialis. Tindakan tentera laut British bagi membantu Brooke menghadapi lanun dikatakan tidak wajar kerana menyerang orang-orang Dayak yang diklasifikasi sebagai lanun. Justeru itu tindakan Brooke memerangi kaum Dayak dianggap tidak sepatutnya dilakukan.

Perbezaan pendapat tentang kegiatan perlanunan di Borneo melahirkan beberapa kelompok orientalis. Sejarah Sarawak memperlihatkan dua kelompok iaitu yang pro-Brooke dan anti-Brooke. Ternyata penulis yang pro Brooke memuji sikap penguasa-penguasa Islam yang memberi layanan baik kepada mereka seperti Raja Muda Hassim dan memperolehi imej yang baik, manakala imej penentang Brooke khususnya pangeran dan syarif diberi imej yang buruk dan dikaitkan dengan perlanunan. Syarif Masahor yang dianggap sebagai seorang Muslim yang dinamik juga diklasifikasikan sebagai pelopor kegiatan perlanunan walaupun tindakan-tindakan penentangan tersebut lebih berupa tindakbalas ke atas usaha Brooke menguasai wilayah di bawah pengaruh mereka.

Terdapat kecaman penulis Inggeris yang anti-Brooke terhadap niat sebenar Brooke menyerang kawasan Dayak dan syarif tempatan. Individu-individu utama yang dikaitkan dengan perlanunan dan menjadi bahan perbincangan mereka ialah Syarif Sahab dari Saribas, Syarif Mullah, Syarif Jaafar dari Lingga, Syarif Masahor dan Syarif Usman dari Marudu. D.K. Bassett mempersoalkan kenapakah Syarif Sahab mengadakan pakatan dengan Pangeran Mahkota hanya

setelah kehadiran Keppel dan digelar ketua lanun? Begitu juga kegiatan kegiatan Syarif Mullah yang didapati tidak bertentangan dengan undang-undang (Bassett:1980:45).

Sejarawan anti-Brooke menafsirkan bahawa kegiatan lanun hanya menjadi alasan bagi memenuhi motif dan cita-cita Brooke sendiri dengan menggunakan tentera laut British memecahbelahkan kerajaan tempatan. Rasional daripada tafsiran ini ialah, golongan syarif yang menjadi penguasa di kawasan tertentu cuba memisahkan diri daripada pemerintahan kesultanan Brunai, dengan itu Brooke mengambil kesempatan atas situasi ini di samping mengambil kesempatan di atas kelemahan Kesultanan Brunai untuk merealisasikan cita-cita imperialismenya di Borneo. Menurut Bassett:

*”While not questioning the alturism which underlay James Brooke’s determination to reform the Brunei government, certain reservations must be made about his methods and value judgements. The men whom he deposed, Mahkota, Usman, Yusof, were clearly of far higher calibre and reputation in indigenous government than his own proteges. Presumably they had acquired their positions and held them for twenty years because they retained widespread support and respect. Yet when these men made blated preparations to defend themselves, as Sharif Sabab did in the Sekrang or Usman at Marudu, this was denounced by Brooke as aggressive behaviour by known pirates. Even their last desperate attempts to retain Brooke’s friendship or stave off his attack were interpreted by Brooke as treacherous (Bassett:1980:47)”*

Tidak dinafikan kegiatan perlanunan wujud di perairan dunia antarabangsa termasuk di kepulauan Borneo. Namun begitu penekanan tentang kegiatan ini dengan mana-mana kerajaan di kepulauan ini boleh dikatakan proganda golongan orientalis tertentu.

#### **4.1.8.2 Perhambaan**

Amalan perhambaan merupakan amalan masyarakat global sebelum abad ke-20 seperti yang berlaku di Amerika Utara dan juga Eropah. Ajaran Islam menentang amalan perhambaan. Perhambaan dianggap sebagai salah satu amalan masyarakat Melayu Islam sama seperti yang diamalkan dalam masyarakat pribumi yang lain di Borneo antaranya disebabkan masalah sebagai tawanan, hutang atau dibeli. Hamba berhutang akan bebas apabila hutangnya diselesaikan.

Tulisan-tulisan berkaitan Borneo sebelum abad ke-20 sebahagian besarnya akan melaporkan tentang perhambaan. Menurut Low (1968), hamba atau ulun-ulun di Borneo kebanyakannya berketurunan Dayak dan mereka ditawan oleh pemerintah sesuatu negeri dengan tujuan dijadikan hamba terutama melalui peranan syarif-syarif tempatan. Low mengakui perhambaan bertentangan dengan al-Quran tetapi sebahagian orang Islam mengamalkan amalan ini. Menurutnya:

*”With regard to slavery, the Malays stragely disregard the instruction of the Koran, which tells them that no true believer can be retained in slavery, so that the nations of the west are always obliged to find some method of proving that their prisoners are not of orthodox faith before they keep them in slavery (Low:1968:119)*

#### **4.1.8.3 Hubungan Orang Islam Dan Pribumi Bukan Islam**

Kajian orientalis menunjukkan hubungan masyarakat Islam dan bukan Islam dipengaruhi oleh perdagangan atau perniagaan sama ada di Sarawak, Sabah, Brunai atau Kalimantan. Di kawasan tengah Borneo misalnya orang Islam memainkan peranan yang khusus kerana faktor perdagangan (Rousseau, 1990). Hubungan di antara orang Islam dan bukan Islam merupakan elemen penting dalam kehidupan masyarakat Borneo. Ajaran Islam sebenarnya menarik perhatian masyarakat bukan Islam walaupun terdapat elemen penindasan yang dilakukan oleh sesetengah penguasa ke atas pihak yang lain.

Dalam catatan Keppel (1846) terdapat bukan sahaja pribumi bukan Islam yang memeluk Islam tetapi juga orang Cina. Dalam tulisannya, Keppel menyatakan terdapat sekumpulan orang Cina Islam yang telah memeluk Islam menunaikan haji (Keppel:1968a:245). Kajian dan sumber orientalis juga mendapati perasaan superioriti orang Islam ke atas golongan Dayak (Rousseu, 1990), dengan sebab itu Bahasa Melayu menjadi lingua franca dalam komunikasi antara pribumi bukan Islam dengan pribumi Islam. Banyak kaum pribumi bukan Islam memeluk Islam dan keadaan sebaliknya tidak berlaku iaitu orang Islam menjadi pribumi bukan Islam.

Oleh kerana majoriti orang Islam di Borneo ialah Melayu dan berbudaya Melayu, golongan pribumi bukan Islam akan mengamalkan budaya Melayu. Menurut Rousseu (1990), hal ini berlaku kerana memeluk Islam akan memberi kesan kepada identiti sosial seseorang dan ditolak oleh golongan Dayak. Berdasarkan kepada ramai sultan didakwa sebagai asalnya berketurunan Dayak yang memeluk Islam, maka orientalis menghubungkan mereka dengan kegiatan masyarakat Dayak seperti memotong kepala manusia. Kajian dan laporan juga menunjukkan banyak ketua puak memeluk Islam diikuti oleh pengikut mereka. Di bahagian Kalimantan terutama Mahakam mereka berbuat demikian untuk mendapat perkenan daripada Sultan Kutai.

Walaupun orang Islam yang mempunyai kerajaan gagal mengawal bahagian pedalaman yang didiami Dayak tetapi ia bukanlah suatu wilayah yang terpisah antara Dayak dan masyarakat Islam. Orientalis mengakui masyarakat pribumi bukan Islam berhampiran pantai yang menjadi petempatan penduduk Islam memeluk agama Islam dan berasimilasi dengan penduduk Islam yang lain sehingga mereka juga menggelar diri mereka sebagai Melayu. Ini memberi satu gambaran bahawa Borneo yang dianggap kawasan penuh kekejaman, keganasan dan kematian mengejut seperti dalam buku-buku sejarah Eropah sebelum 1800 adalah meleset terutama penerimaan masyarakat Dayak terhadap Islam membuktikan masyarakat Islam mempunyai ciri ciri yang menarik masyarakat pribumi bukan Islam. Pada tahap ini bukan lagi ciri-ciri pedagang Islam yang datang berniaga di Kepulauan Melayu yang menarik perhatian sebaliknya yang ada pada masyarakat Islam tempatan itu sendiri.

Penduduk Melayu Brunai, Sarawak, Kapuas, Banjar dan Kutai hari ini adalah Dayak yang memeluk Islam. Berbeza dengan penulis sebelum kolonialisme Barat atau sumber abad ke-19, orientalis masakini kurang berat sebelah dalam menyatakan hubungan orang Islam dan pribumi bukan Islam. King (1993) menyatakan adalah jelas budaya Islam dan Melayu serta bahasa Melayu secara signifikan mempengaruhi banyak daerah di Borneo. Maka tidak boleh diandaikan bahawa golongan Dayak yang memeluk Islam dipaksa menerima Islam (King:1993:130). Menurutnyanya sebahagian mereka suka dengan hubungan harmoni dengan orang Melayu, berkahwin dengan mereka dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan secara sukarela meletakkan diri mereka di bawah autoriti pemerintah Melayu untuk memastikan ada perlindungan daripada ancaman golongan Dayak yang lain (King:1993:130; Burbidge:1989:145).

Berdasarkan pandangan-pandangan ini orientalis masakini menganggap Islam dan budaya Melayu sangat signifikan dengan masyarakat Dayak, pada masa-masa lalu. Kadang kadang ciri-ciri pakaian dan sikap hormat kepada orang Melayu menyebabkan Dayak yang menjadi hamba memeluk Islam (Low:1968:119).

Sesetengah orientalis mempunyai pandangan yang sangat prejudis kepada orang Islam dalam konteks hubungan mereka dengan pribumi bukan Islam. Penulis seperti Rutter berpendirian masyarakat pribumi bukan Islam suka keamanan sebaliknya masyarakat Islam bersifat serakah dan dianggap mengganggu hubungan sosial masyarakat Borneo Utara (Sabah). Menurut Ian Black (Rutter:1989:vii) pendirian ini berupa perkongsian pandangannya dengan pihak Kompeni. Sebagai pentadbir di Kompeni Berpiagam, hal ini menggambarkan bukan sahaja pendirian Rutter tetapi

juga pihak kompeni tentang masyarakat Islam. Terdapat keraguan dalam pandangan-pandangan Rutter kerana, pertama ia merupakan pendirian Kompeni yang menghadapi penentangan sengit penduduk Islam tempatan ke atas penguasaan kompeni di Borneo Utara. Kedua, banyak serangan Rutter ke atas orang Islam melibatkan suku-suku Dayak yang memeluk Islam. Kelompok ini seolah-olah bertukar menjadi serakah setelah menerima Islam, sebaliknya Dayak yang bukan beragama Islam tidak mempunyai sikap sedemikian menurut pandangan beliau.

#### **4.1.8.4 Hubungan orang Islam dan orang Barat**

Kedatangan kuasa Barat mengkucar kacirkan kesultanan di Borneo seperti peranan yang dimainkan oleh Sepanyol yang bertindak agresif ke atas kesultanan Brunai yang menguasai Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak pada waktu. Ia suatu yang berbeza dengan pedagang-pedagang Islam yang menumpukan kepada perdagangan dan penyebaran Islam. Begitu juga pedagang-pedagang Cina yang telah lama berdagang dengan kerajaan di Borneo seperti Banjarmasin. Bukan itu sahaja pihak berkuasa kolonial telah membataskan hubungan antara orang Islam dan pribumi bukan Islam dengan menghadkan mereka ke pedalaman Borneo setelah pihak kolonial berkuasa. Keadaan ini menimbulkan kecurigaan dan tindakbalas masyarakat Islam.

Dengan sebab itu laporan orientalis tentang penerimaan masyarakat asing oleh orang Islam di Borneo khususnya dari Barat atau Eropah sebahagiannya menunjukkan sikap agresif orang Islam. Dalton melalui Papers on Borneo (dalam Moor; 1968) menukarkan:

*”There is an old Bugis proverb, known to almost every child of six years of age: it has indeed resolved itself into a precept of the Koran. I have myself frequently heard the following question put the boys during the Puasa month: ”Should you meet in the jungle at the same moment a tiger, a black snake, and a European, which would you kill first? An immediate shout of execration on the European name from the children, testifies that the selection is readily made,..”*

Hubungan antara orang Islam dan Barat pada hakikatnya berlaku dengan baik bergantung kepada sikap orang Barat. Ia bersesuaian dengan sifat orang Islam yang menghormati bangsa dan agama orang lain. Ketegangan berlaku apabila pihak lain menunjukkan sikap yang agresif atau pada pengalaman lalu mempunyai niat tidak baik. Bagi penguasa atau pemerintah yang bergantung dengan perdagangan, kedatangan mana-mana pedagang biasanya disambut dengan baik. Dalam catatan Keppel (1968) penguasa atau pemerintah Islam biasanya akan menghantar wakil untuk bertemu dan berunding. Menurut Kappel:

*”Went ashore to see Muda Hassim (Raja Muda Hassim) in the evening. He gave us a private audience; and we finished our discussion respecting the trade, and I think successfully. I began by saying, that I, as a private gentleman, unconnected with commerce, could have no personal intrest in what I was about to speak: that the Rajah must clearly understand that I was in no way connected with the government of Singapore,..” (Kappel: 1968a:73).*

## **4.2 Pendekatan Semasa Orientalis Tentang Islam Di Borneo**

Pengkaji atau penulis orientalis masih menunjukkan minat yang kuat terhadap kepulauan Borneo. Ini berdasarkan banyak sarjana dan pelajar di peringkat kedoktoran yang datang dari masyarakat oksidental dalam bidang politik, sejarah, sosiologi, antropologi budaya dan lain-lain menghasilkan banyak kajian, artikel jurnal dan tesis tentang Borneo di universiti-universiti Eropah, Amerika dan Australia.

Seperti yang dijelaskan, minat orientalis dalam sains sosial kini tertumpu kepada kajian ke atas masyarakat Dayak (etnografi), sejarah dan politik. Ini termasuk kajian bersifat biografi

pemimpin-pemimpin Borneo. Reed L Wadley (2000) misalnya membuat kajian tentang masyarakat Maloh dan artikelnya bertajuk *Reconsidering an Ethnic label in Borneo: The Maloh of West Kalimantan*, Indonesia disiarkan dalam *Bijdragen tot de Taal land-en-Volkenkunde*.

Kajian berkaitan sejarah dan politik pula turut bertumpu kepada hubungan etnik dan pembinaan negara. Ini termasuklah isu-isu berkaitan Islam yang memang menjadi tarikan orientalis, antaranya ialah isu-isu hubungan antara orang Islam dan pribumi bukan Islam dan isu radikalisme Islam yang masih menjadi isu utama di Borneo. Kadangkala penelitian hubungan Islam dan pribumi bukan Islam dilihat juga dari sudut hubungan Islam dan Kristian. Anne Schiller bersama penulis tempatan Bambang Garang (2002) dalam artikel mereka *Religion and inter-ethnic violence in Indonesia* telah meneliti perkembangan-perkembangan di akhir abad ke-20 dan ke-21 yang memperlihatkan konflik antara Islam dan Kristian (Dayak), antaranya mengulas tentang Peristiwa Sambas 1999 yang mengorbankan ratusan nyawa dan kemusnahan hampir 10,000 rumah penduduk berketurunan Madura angkara golongan Dayak. Insiden-insiden ini bukan sahaja diinterpretasi sebagai konflik etnik tetapi pertentangan antara Islam dan Kristian.

Gerry van Klinken (2006) melalui artikelnya "*Colonizing Borneo: State-Building and Ethnicity in Central Kalimantan*" yang disiarkan dalam Indonesia, menghuraikan ketegangan antara Tentara Lawong yang merupakan Dayak-Kristian yang ditaja Belanda dengan kelompok Ibn Hajar (Kesatuan Rakjat Jang Tertindas –KJRT) dan pejuang Darul Islam pimpinan Kahar Muzakkar (Sulawesi). Jenifer Connolly (2009) dalam kajiannya menyatakan ancaman-ancaman jiran Muslim telah menjadi punca orang-orang Dayak menjadi Kristian terutama menghalang perkahwinan campuran Kristian-Islam di Timur Kalimantan. Beliau menyatakan "*As advantaged minority Dayaks have turned to Christianity as a way to maintain their ethnic identity in the face of threats from their Muslim neighbours*".

McClatchy (2011) pula misalnya melihat masalah radikalisme Islam di Borneo dan peranan organisasi Islam seperti Front Pembela Islam (FPI). Beliau yang juga pensyarah Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga menulis sebuah artikel dalam *Tribune Business News* yang diterbitkan di Washington atas tajuk "*Increased radicalism: The Failure of Moderate Islam*". Jelasnya, berdasarkan perkembangan dalam bidang keserjanaan, peranan orientalis di Borneo berkaitan isu-isu Islam akan berterusan pada masa akan datang.

## 5.0 KESIMPULAN

Orientalisme ialah suatu pendekatan masyarakat oksidental (Eropah dan Amerika) terhadap masyarakat di dunia oriental (Timur Tengah, Asia, Timur Jauh). Ribuan kajian dan tulisan telah dihasilkan berkaitan masyarakat Timur Tengah dan Asia. Kepulauan Borneo tidak terlepas daripada pandangan mereka dan orientalis sengaja membentuk *school of thought* terhadap masyarakat Borneo. Dalam era imperialisme, Islam dan masyarakat Islam khususnya berketurunan Melayu telah diberi pelbagai gambaran dalam tulisan dan laporan mereka antaranya penguasa daripada kalangan orang Melayu/Islam adalah "bloodthirsty", suka mengamuk, terlibat dengan pelanun, penindas masyarakat Dayak, terlibat dalam perhambaan dan Muslim yang korup sepertimana identiti yang diberikan kepada pangeran dan syarif-syarif berketurunan Arab. Terdapat juga pandangan yang bertentangan daripada pihak orientalis sendiri yang ditafsirkan sesetengah pihak bahawa sebahagian mereka mempunyai kepentingan di Borneo.

Sebahagian sumber orientalis diiktiraf sebagai "from the first hand" melalui pemerhatiansemasa pengembaraan, penjelajahan atau ketika mentadbir di Borneo. Oleh kerana banyak penulisan kini terlalu bergantung kepada sumber-sumber ini maka sepatutnya, sumber-sumber tempatan harus diterokai terutama berkaitan Islam kerana, hakikat perkembangan Islam di



Nusantara berlaku dalam keadaan aman dan tidak secara agresif atau peperangan seperti tindakan yang dilakukan oleh Sepanyol, Portugis dan Belanda yang menyerang dan memusnahkan kesultanan-kesultanan Melayu. Hakikat bahawa masyarakat Islam Nusantara yang berpegang dengan ahli sunnah wal jamaah dan bermazhab syafie melalui penyebaran yang meluas menunjukkan Islam begitu diterima kerana ajarannya. Kelahiran ulama-ulama yang menulis pelbagai kitab dan gunakan secara meluas di Nusantara tanpa batasan sempadan kerajaan khususnya di Borneo harus diteliti supaya gambaran tentang Islam secara sebenarnya dapat diperolehi. Selain daripada itu perubahan-perubahan yang berlaku masakini seperti hubungan Islam dan pribumi bukan Islam harus diterokai kerana kemungkinan berlakunya perubahan hubungan patron-client masyarakat pribumi kepada pihak lain seperti kapitalis dan penaja Kristian telah menyebabkan berlaku kegentingan antara orang Islam dan pribumi bukan Islam.

## Senarai Rujukan

- A Campo, H.W. J.F.M. (2003). "Discourse without Discussion: Representations of Piracy in Colonial Indonesia 1816-25". *Journal Southeast Asian Studies*, 34(2), 199-214.
- Awang Mohd Jamil al-Sufri (1977). "Islam in Brunei". *Brunei Museum Journal*. 4(1),34-44.
- Awang Mohd Jamil al-Sufri (1990). *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.
- Baring-Gould, S. & Bampfylde, C.A. (1909). *A History of Sarawak under its Two White Rajahs 1839-1908*. London: Henry Sotheran & Co.
- Bassett, D.K. (1980). *British attitudes to indigenous states in South-east Asia in the nineteenth century*. Occasional Papers No. 1, Center for South-East Asian studies, University of Hull, Humberside, United Kingdom.
- Boyle, F. (2007). *Adventures Among the Dyaks of Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication (First Published 1865 by Hurst and Blacket Publishers, London).
- Burbidge, F.W. (1989). *The Gardens of the Sun: Borneo and the Sulu Archipelago*. Singapore: Oxford University Press (Reprinted from 1880 edition by John Murray Publishers, London)
- Connolly, J. (2009). "Forbidden intimacies: Christian-Muslim intermarriage in East Kalimantan Indonesia". *American Ethnologist*. 36 (3), 492-506
- Heyward, N. (1963). *Sarawak, Brunai and North Borneo*. Singapore: Donald Moore.
- Irwin, G.(1965). *Nineteenth-Century Borneo – a Study in Diplomatic Rivalry*. Singapore: Donald Moore.
- Keppel, H. (1968). *The Expedition to Borneo of H.M.S Dido for the Suppression of Piracy Vol. 1* (3<sup>rd</sup>.ed) London: Frank Cass (First edition 1846).
- Keppel, H. (1968). *The Expedition to Borneo of H.M.S Dido for the Suppression of Piracy Vol. II* (3<sup>rd</sup> ed) London: Frank Cass (First edition 1846).
- King, V. T. (1993). *The peoples of Borneo*. Oxford: Blackwell.
- Klinken, Gerry van (2006). "Colonizing Borneo: State Building in Central Kalimantan". *Indonesia*, 81, April, 23-49
- Low, H. (1968). *Sarawak: its Inhabitants and Production*. London: Frank Cass (Reprinted from 1848 ed)
- Mclatchy, Makin Al (2011). Increased Radicalism: The Failure of Moderate Islam. *Tribune Business News*, Washington. 17 May.

- Moor, J.H. (1968). *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*. London: Frank Cass & Co. (reprinted from 1837 edition)
- Pole-Evans, R.J. (1956). "The Supreme Council, Sarawak". *Sarawak Museum Journal*, 7(7-9), 89-108.
- Rousseau, J. (1990). *Central Borneo: Ethnic Identity and Social life in a Stratified Society*. Oxford: Clarendon Press.
- Rutter, O. (1985). *The Pagans of North Borneo*. Singapore: Oxford University Press (Reprinted from first published 1929 by Hutchinson & Co. London)
- Schiller, Anne & Garang, Bambang (2002). "Religion and inter-ethnic violence in Indonesia". *Journal of Contemporary Asia*. 32(2), 244-
- St. John, S. (1974a). *Life in the Forests of the Far East Vol. 1*. Kuala Lumpur: Oxford University Press (Reprinted 1862 edition by Smith Elder and Co, London).
- St. John, S. (1974b). *Life in the Forests of the Far East Vol. II*. Kuala Lumpur: Oxford University Press (Reprinted 1862 edition by Smith Elder and Co, London).
- Tarling, N. (1963). *Piracy and Politics in the Malay World*. Melbourne: F.W. Cheshire.